

MDK tangkap 30 anjing liar

Lancar tiga operasi khas di dua lokasi berasingan, bendung penularan wabak penyakit rabies

PARIT BUNTAR - Majlis Daerah Kerian (MDK) menangkap lebih 30 ekor anjing liar dalam usaha membendung penularan wabak penyakit rabies atau anjing gila di daerah itu sejak seminggu lalu.

Yang Dipertua (YDP) MDK, Abdul Khair Ahmad berkata, sehingga kini, MDK sudah melancarkan tiga operasi khas membasmi anjing liar dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Kerian di Tanjung Piandang di dua lokasi berasingan di sini.

Bagaimanapun menurutnya, usaha mengadakan operasi itu ditangguhkan buat sementara berikutan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berdepan masalah kehabisan bekalan ubat pelali.

"Usaha itu ditangguhkan sebentar sementara menunggu bekalan ubat pelali.

"Namun unit penguat kuasa MDK akan terus memantau dalam mengenal



ABDUL KHAIR

pasti kawasan lambakan kewujudan anjing dan kucing liar di daerah ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) cawangan Parit Buntar, di sini, semalam.

Abdul Khair berkata, MDK sudah mengenal pasti dua tambahan lokasi kewujudan lambakan anjing liar di Kuala Kurau dan



Anjing liar berkeliaran di kawasan tumpuan awam di Pekan Kuala Kurau membimbangkan penduduk setempat berikutan penularan wabak rabies ketika ini.

INFO • Operasi ditangguh sementara kerana kehabisan ubat pelali

Taman Pekan Baru di sini setelah menerima aduan penduduk dan ahli majlis.

Menurutnya, setakat

ini, tiada sebarang laporan mangsa diserang anjing liar.

"Bagi menangani kucing liar pula, MDK kini sedang memantau kawasan pasar di Kuala Kurau, Tanjung Piandang dan sini.

"Bagi individu membela anjing, MDK sudah mengeluarkan arahan jangan melepaskan haiwan peliharaan mereka sesuka hati

meskipun memiliki lesen.

"Arahan itu penting memandangkan fokus MDK untuk membasmi anjing liar yang memberi ancaman kepada orang awam," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai langkah MDK memantau penularan wabak rabies di kawasan persempadanan daerah berhampiran, Abdul Khair ber-

kata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Haiwan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak sudah bekerjasama memantau kawasan bersempadan dengan kawasan wabak rabies seperti di Kuala Sepetang.

"MDK kini dalam keadaan berwaspada dan kami harap kerjasama penduduk di daerah ini untuk segera melaporkan sebarang kehadiran kumpulan anjing liar di kawasan mereka," katanya.

Abdul Khair turut meminta kerjasama pencinta haiwan untuk mengawal kehadiran anjing dan kucing liar daripada menyebarkan virus penyakit rabies.

"Walaupun ada pandangan pencinta haiwan minta jangan ditembak anjing liar itu, namun siapa boleh beri jaminan keselamatan anggota bertugas yang menangkap?"

"Sepatutnya golongan ini perlu turut sama membantu PBT menangkap haiwan ini," katanya.